

Mempelajari selok-belok diplomasi dan kepimpinan Mahathir

Malaysiakini

3 Jun 2019

Noor Soraya Mohammad Jamal,

Ia bukan untuk menokok-tambah apabila menyatakan bahawa membuat liputan lawatan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad ke Tokyo baru-baru ini adalah seakan-akan mempelajari selok-belok diplomasi dan kepimpinan.

Seperti biasa kepetahan dan ketegasan negarawan berusia 93 tahun itu berucap terserlah pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-25 mengenai masa depan Asia yang dimanfaatkan sebagai pentas untuk menyampaikan pendirian dan dasar luar Malaysia ke arah masa depan dan menjadi contoh untuk diikuti para menteri Kabinetnya.

Di tengah-tengah perang perdagangan dan tindak balas antara kedua-dua ekonomi terbesar di dunia - yang pada masa dahulu memperjuangkan perdagangan bebas dan terbuka tetapi kini menganuti dasar perlindungan dan mencetuskan konfrontasi, ucapan Dr Mahathir sentiasa berani dan tajam.

Mahathir mengkritik pemikiran agresif sesetengah negara sambil berkata dunia akan kekal primitif selagi ia tidak dapat menyelesaikan masalah kecuali dengan konfrontasi, keganasan, kemusnahan dan membunuh ramai orang.

Beliau menarik perhatian kepada apa yang beliau percaya sebagai kegagalan orde dunia dan menggesa supaya dikaji semula hubungan di kalangan negara terutama dalam konteks penyelesaian konflik.

Mesej yang disampaikan demi menegakkan kedaulatan undang-undang adalah jelas - konflik mesti diselesaikan melalui rundingan, timbang tara dan mahkamah undang-undang.

Mahathir berkata dunia mesti menerima realiti baharu dan menyesuaikan dengan hakikat bahawa Asia bukan lagi pihak yang meniru dan selama bertahun-tahun telah menghasilkan produk yang lebih baik hasil penyelidikan dan pembangunan yang ditambahbaik yang telah meningkatkan kemampuan negara-negara di sebelah Timur.

Semasa dialog di Kelab Wartawan Asing Jepun, beliau menyatakan dengan jelas bahawa perang perdagangan adalah tindakan yang kurang bijak, tidak memenuhi apa-apa tujuan dan mengganggu kemajuan ekonomi negara.

Walaupun mengaku bahawa kedua-dua kuasa besar itu adalah rakan pelaburan Malaysia yang paling penting, Perdana Menteri berkata beliau lebih suka kepada pendekatan secara aman dan kurang konfrontasi antara Amerika Syarikat dan China.

"Gunboat diplomacy sudah lapuk. Beri tumpuan kepada apa yang anda lakukan dengan sebaik-baiknya dan berusaha dan bersaing, jangan cuba menakluk, " katanya ketika berucap kepada hampir 150 wartawan asing yang menghadiri dialog itu.

Selama hampir dua jam, Mahathir memperlihatkan kecekapan menjawab soalan-soalan merangkumi perang perdagangan, ketegangan antara Amerika Syarikat dan Iran, isu kilang nadir bumi Lynas, insiden penembakan pesawat MH17 hingga ada yang meminta beliau bertindak sebagai perantara kepada hubungan Jepun, Korea dan China.

Pada satu ketika Mahathir sempat bergurau apabila para wartawan Malaysia bertanya kepadanya pada akhir lawatan kerjanya sama ada beliau telah menjangka semua soalan yang diajukan kepadanya memandangkan beliau sentiasa sudah bersedia dengan jawapannya.

Perdana Menteri berkata, "Saya tahu apa yang mereka akan tanya. Saya adalah

Perdana Menteri, saya mesti tahu apa yang sedang berlaku. Saya tahu jawabannya sebelum mereka mula bertanya."

Mahathir dengan nada berseloroh membayangkan beliau sudah biasa dengan soalan-soalan yang ditanya mengenai rahsia beliau sentiasa bertenaga.

Beliau juga menolak tanggapan bahawa Malaysia kini mengambil sikap yang lebih lembut terhadap China seperti yang dicerminkan susulan keputusannya untuk terus menggunakan teknologi Huawei walaupun disenarai hitam oleh Amerika Syarikat tetapi sebaliknya lebih cenderung mengambil pendekatan yang lebih pragmatik.

"Saya fikir kita bersikap adil, kita mahu bersahabat dengan semua negara di dunia, kita tidak mahu berperang dengan rakyat," katanya sambil menambah bahawa ia adalah erlu untuk terus menggunakan khidmat syarikat gergasi telekomunikasi Cina untuk meningkatkan usaha Malaysia ke arah kemajuan teknologi.

Mahathir, yang selama ini lantang bersuara mengenai beberapa pelaburan China di Malaysia, berpendapat bahawa ada masanya Timur perlu memandang ke Barat sambil menarik perhatian kepada kejayaan perundingan Perancis dan Jerman untuk menyelesaikan perbalahan dan tidak sebaliknya membiarkan

perang berlarutan.

Walaupun beliau mempunyai kecenderungan untuk mengkritik dunia barat, tetapi beliau dia tidak segan untuk memberi pujian kredit apabila dan bila pendekatan yang diamalkan itu adalah wajar.

Lawatan Mahathir secara keseluruhannya membantu melonjakkan hubungan Malaysia-Jepun ke tahap baharu sejak menghidupkan semula Dasar Pandang Ke Timur (LEP) bagi mencontohi etika kerja dan teknik perniagaan dari Timur dan diperkukuhkan melalui hubungan ekonomi dan kerjasama yang mendalam.

Kecenderungan Mahathir menjadikan Jepun sebagai contoh bukanlah rahsia. Beliau mempunyai sebilangan besar pengikut di Negara Matahari Terbit itu dan rakyat Jepun sering menunjukkan penghargaan mereka termasuk majlis mengucapkan selamat jalan secara besar-besaran oleh kakitangan hotel selepas rundingan dan ucapannya membuahkan kejayaan dan hasil yang positif.

Semasa dialog perniagaan minggu lepas, konglomerat Jepun telah pun menjanjikan komitmen mereka untuk mengembangkan pelaburan dan perniagaan di Malaysia dan akan berkempen untuk menarik lebih banyak firma untuk melabur di negara ini.

Rakan sejawatannya dari Jepun, Shinzo Abe, juga memberi jaminan untuk membantu Malaysia memulihkan ekonominya dan berkata Japan Bank for International Cooperation (JBIC) bersedia untuk mempertimbangkan sokongan selanjutnya jika Malaysia ingin menerbitkan bon Samurai tambahan pada masa akan datang.

Lawatan ke Jepun juga telah membawa perkembangan positif dalam bidang pendidikan apabila Tsukuba University menyatakan hasrat untuk membuka kampus cawangan di Malaysia - satu langkah yang diharapkan dapat dicontohi oleh institusi pengajian tinggi lain negara tersebut.

Secara timbal-balas Malaysia akan menghantar lebih ramai pelajar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di Jepun, kata Dr Mahathir.

Lawatan beliau ke Jepun baru-baru ini merupakan kali keempat sejak menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujui pada Mei 2018.

Hakikat ini mencerminkan hubungan dua hala Malaysia dan Jepun yang kukuh dan terjalian sejak sekian lama walaupun di tengah-tengah senario orde antarabangsa yang sentiasa berubah.

-- Bernama

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/478499>